

29/05/2003

Malaysia tolak dakwaan jadi pusat cetak rompak

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kerajaan menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Malaysia

menjadi pusat kegiatan cetak rompak di rantau ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, kerajaan serius untuk membanteras kegiatan tidak bertanggungjawab itu bagi melindungi harta intelek penggiat industri hiburan tempatan.

"Semua agensi penguat kuasa faham masalah yang dihadapi dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi perhatian peribadi beliau berhubung masalah itu dan ia terbukti dengan pelbagai langkah yang

diambil hasil kerjasama agensi penguat kuasa menerusi operasi dan kempen untuk menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya melindungi harta intelek," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, masalah cetak rompak bukanlah isu yang dapat ditangani dalam masa singkat, sebaliknya ia memerlukan strategi khusus dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk masyarakat.

Berikutan itu, katanya, pemberi maklumat tepat sehingga tertangkapnya pengedar, membongkar kilang memproses produk cetak rompak dan stor simpanan akan diberi ganjaran setimpal.

"Pemberi maklumat boleh menghubungi talian 1 800 886 800 dan sehingga kini pihak yang membantu usaha kerajaan membanteras cetak rompak itu pernah memperoleh di antara RM2,000 dan RM30,000," katanya.

Sehingga 28 Mei lalu, sebanyak lima juta cakera padat (CD), cakera padat

video (VCD), cakera padat digital (DVD) cetak rompak dan lucuh dirampas oleh pelbagai agensi penguat kuasa di seluruh negara.

Keseluruhan hasil rampasan itu bernilai lebih RM200 juta termasuk dua kejayaan besar pihak polis di Cheras dan Shah Alam yang menyita kira-kira

dua juta produk berkenaan.

Operasi membanteras kegiatan cetak rompak dan lucuh di seluruh negara kelmarin mencatatkan jumlah rampasan bernilai lebih RM50,000 dalam serbuan

membabitkan 32 premis terbuka dan 22 premis tetap.

Muhyiddin berkata, pemantauan yang dijalankan mendapati adalah sukar mendapat sasaran ketika ini, kerana tidak banyak pergerakan berlaku dalam

pengangkutan barang cetak rompak.

"Tidak ramai yang keluar berniaga kebelakangan ini berikutan operasi agresif yang dijalankan agensi penguat kuasa di seluruh negara.

"Bagaimanapun, masyarakat diminta menjadi mata dan telinga kerajaan di kawasan masing-masing dan melaporkan jika ada premis yang menyimpan produk

cetak rompak," katanya.

Selain itu, katanya, penggunaan label tulen akan mula dikuat kuasa pada

15 Julai ini membabitkan CD/VCD/DVD/kaset/pita video yang diedarkan di negara ini.

Katanya, operasi penguatkuasaan besar-besaran terhadap semua peniaga yang menjual barangan itu akan dilancarkan dan produk yang tidak dilekatkan label tulen akan dirampas, manakala peniaga boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Beliau berkata, mengikut Perintah Perihal Dagangan (Label Tulen) 2002, sesiapa yang tidak menandakan label tulen boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 bagi individu atau RM250,000 bagi syarikat korporat.

"Ketika ini, sebanyak 153 kes sedang disiasat kerana tidak mematuhi peraturan berkenaan," katanya.